UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN KOMUNIKASI

MCMC

SIARAN MEDIA

CHATBOT SEBENARNYA.MY BANTU PENGGUNA SEMAK KESAHIHAN MAKLUMAT DENGAN CEPAT DAN MUDAH

CYBERJAYA, 28 Januari 2025 - Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil melancarkan Chatbot Sebenarnya.my yang merupakan usaha kerajaan melalui agensi di bawah Kementerian Komunikasi iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Chatbot Sebenarnya.my atau dikenali sebagai *Artificial Intelligence Fact-check Assistant* (AIFA) diterajui MCMC bertujuan memerangi maklumat palsu, selain berfungsi sebagai platform rakyat menyemak berita yang tidak ditentusahkan dalam talian.

Chatbot AIFA juga berperanan meningkatkan fungsi portal Sebenarnya.my dengan tiga objektif utama iaitu **membantu rakyat menyemak dan mendapatkan maklumat sahih dengan cepat dan mudah**, **mempercepat maklum balas terhadap maklumat tidak sahih dalam talian** serta **memperkukuh peranan Sebenarnya.my dalam menangani penyebaran maklumat palsu di Malaysia**.

Ciri-ciri utama Chatbot AIFA termasuklah:

i. **Aksesibiliti**: Mesra pengguna dan boleh diakses sepanjang masa di portal dan platform WhatsApp;
ii. **Pengesahan fakta yang pantas**: Menggunakan algoritma dan pembelajaran mesin (*machine learning*) untuk memadankan maklumat dengan sumber yang boleh dipercayai;
iii. **Pendidikan digital**: Berperanan bukan sekadar menyampaikan maklumat sahih bahkan mendidik pengguna mengenal pasti sumber maklumat yang boleh dipercayai;
iv. **Penglibatan komuniti**: Menggalakkan rakyat terlibat secara aktif dengan platform chatbot yang disediakan;
v. **Pelbagai bahasa**: Tersedia dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil sekali gus memastikan akses kepada pelbagai kumpulan pengguna; dan
vi. **Input**: Pada masa ini, input hanya diterima dalam format teks. Namun, kemampuan untuk menerima input dalam pelbagai format akan diteroka pada masa hadapan.

Rakyat disaran untuk menggunakan AIFA bagi mendapatkan kesahihan sesuatu berita dan membantu pihak kerajaan dalam menangani penyebaran maklumat palsu.

Dikeluarkan oleh:
Komunikasi Korporat MCMC